



Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld.XI  
Tarikh : 19 November 2013

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 21/2013**

Dekan/Pengarah/Ketua/Pengetua  
Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan/Bahagian/Unit/Kolej Kediaman  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**JADUAL PENUTUPAN AKAUN UNVIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

Sukacitanya pihak kami ingin menarik perhatian Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara di atas.

2. Pekeliling ini bertujuan untuk menyelaraskan aktiviti dan proses kewangan utama yang perlu diikuti oleh semua pusat tanggungjawab (PTJ) bagi memastikan laporan kewangan dapat disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

**TARIKH AKHIR URUSNIAGA TAHUN 2013**

3. Proses penutupan akaun universiti bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 akan dilaksanakan dengan menggunakan Sistem Kewangan dan Perakaunan Universiti (UFAST). Bagi membolehkan penutupan akaun tersebut berjalan dengan lancar, semua PTJ diminta mengikut jadual berkaitan urusan perolehan, pembayaran bil-bil dan pendaftaran aset tahun 2013 seperti berikut:-



MS ISO 9001:2008      Cert. No. : AR 5779

### Urusan Perolehan

Bil	Perkara	Tarikh Akhir
1.	Tarikh akhir penyediaan Tempahan Peruntukan (TP) oleh PTJ. Tempahan Peruntukan yang tidak sempat dikeluarkan Pesanan Rasmi (PR) dalam tahun 2013 perlu dibatalkan.	<b>30 November 2013</b>
2.	Tarikh akhir terima Borang Permohonan Pesanan Rasmi (BPPR) oleh Jabatan Bendahari atau PTJ	<b>24 Disember 2013</b>
3.	Tarikh akhir pengeluaran PR oleh Jabatan Bendahari atau PTJ menggunakan peruntukan mengurus tahun 2013. (Catatan: TP yang tidak sempat dikeluarkan PR dalam tahun 2013 perlu dibatalkan)	<b>31 Disember 2013</b>

### Urusan Pembayaran

1.	Tarikh akhir terima Arahan Pembayaran berserta bil atau inbois oleh Jabatan Bendahari untuk kelulusan Daftar Bil	<b>24 Disember 2013</b>
2.	Tarikh akhir menyediakan baucer bayaran tahun 2013 (bagi memastikan cek dan EFT disediakan sebelum 31 Disember 2013)	<b>24 Disember 2013</b>
3.	Tarikh akhir meluluskan Daftar Bil oleh Jabatan Bendahari	<b>31 Disember 2013</b>
4.	Tarikh akhir menyediakan cek dan EFT bagi baucer tahun 2013	<b>31 Disember 2013</b>

### Urusan Pendaftaran Aset

1.	Tarikh akhir pendaftaran aset dan inventori di PTJ	<b>21 Januari 2014</b>
----	--	------------------------

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan perkara ini kepada semua kakitangan di Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian/Unit/Kolej Kediaman Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Yang benar,



**MOHD ABD RASHID MOHD FADZIL**

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k: Naib Canselor, UKM  
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.  
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.  
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.  
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.  
Pendaftar, UKM